

Projek MRT berjalan lancar



DUA lagi pakej kerja yang diberikan kepada Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) bakal menyaksikan kerja-kerja pembinaan bagi bahagian Utara Laluan Sg Buloh – Kajang (SBK).

Dua kontraktor yang bakal melaksanakan kerja adalah Syarikat Muhibah Perniagaan & Pembinaan Sdn. Bhd. (SMPP) bagi Pakej Jejambat 1 (V1) dan Trans Resources Corporation Sdn. Bhd. (TRC), bagi Depot Sg Buloh (DPT1).

SMPP dengan pakej bernilai RM1.09 bilion akan ter-

libat dengan pembinaan laluan pandu jejambat (trek yang ditinggikan) dari Sungai Buloh ke Kota Damansara dan dijangka siap dalam Sukuan Keempat 2014.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak, berkata, kerja-kerja pembinaan jejambat untuk pakej kerja V1 adalah

sepanjang 5.4 kilometer (km) dan meliputi penjajaran empat stesen MRT, iaitu Sungai Buloh, Kg. Baru Sungai Buloh, RRI dan Kota Damansara.

"Ini adalah laluan pertama SBK dan melintasi pekan Sg. Buloh serta kawasan Kota Damansara yang lebih baru. Di bahagian tengah laluan ini kawasan RRI akan dibangunkan tidak lama lagi," katanya.

Sementara itu, TRC, yang telah dilantik sebagai kontraktor utama bagi DPT1 dengan kontrak bernilai RM459.9 juta

akan memulakan kerja tidak lama lagi dan dijadualkan siap dalam suku pertama 2016.

DPT1 akan dibina di RRI meliputi kawasan tanah seluas 65 ha. Skop kerja TRC termasuk depot penyelenggaraan Sungai Buloh, operasi dan bangunan kawalan, kerja-kerja luaran dan kerja berkaitan.

"Selepas melalui proses perolehan yang ketat, kami yakin bahawa kedua-dua SMPP dan TRC mempunyai kapasiti serta keupayaan bagi melaksanakan pakej kerja mengikut masa dan kos," katanya.